

## **WANITA BERKHATAN: ANTARA TUNTUTAN AGAMA DAN BUDAYA?**

Ahmad Firdaus Melan Zubir  
Amir Hazim Mat Tarmizi  
Kamarul Azmi Jasmi

Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia

### Suggested Citation:

Melan Zubir, A. F., Mat Tarmizi, A. H., & Jasmi, K. A.(2012). Wanita Berkhatan: Antara Tuntutan Agama dan Budaya? in *Prosiding Seminar Tamadun 2012* at Marbawy Hall, Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia on 21 April 2012, pp. 73-87. ISBN 978-967-0194-19-6.

### Abstrak

Kertas kerja ini membincangkan mengenai tajuk Wanita Berkhatam Tuntutan Agama atau Sisihan Budaya. Kandungan yang terdapat dalam kertas kerja ini ialah, pertama mengenai asal amalan berkhatan ini dilakukan. Dalam bab ini terdapat penghuraian tentang dari mana asal amalan ini. Seterusnya, sebab wanita perlu berkhatan juga terdapat dalam kertas kerja ini. Dalam bab ini terdapat beberapa sebab atau faktor yang dihuraikan antaranya ialah faktor kebersihan, seksual, sosial dan agama. Bab yang seterusnya ialah sejauh mana keislaman dalam proses berkhatan wanita. Dalam bab ini juga membincangkan mengenai keislaman proses berkhatan ini. Seterusnya, kesan kepada wanita berkhatan. Dalam bab ini membincangkan kesan baik dan kesan buruk kepada wanita itu.

---

## **WANITA BERKHATAN: ANTARA TUNTUTAN AGAMA DAN BUDAYA?**

**Ahmad Firdaus Melan Zubir  
Amir Hazim Mat Tarmizi  
Kamarul Azmi Jasmi**

### **ABSTRAK**

*Kertas kerja ini membincangkan mengenai tajuk Wanita Berkhatan: Tuntutan Agama atau Sisihan Budaya. Kandungan yang terdapat dalam kertas kerja ini ialah, pertama mengenai asal amalan berkhatan ini dilakukan. Dalam bab ini terdapat penghuraian tentang dari mana asal amalan ini. Seterusnya, sebab wanita perlu berkhatan juga terdapat dalam kertas kerja ini. Dalam bab ini terdapat beberapa sebab atau faktor yang dihuraikan antaranya ialah faktor kebersihan, seksual, sosial dan agama. Bab yang seterusnya ialah sejauh mana keislaman dalam proses berkhatan wanita. Dalam bab ini juga membincangkan mengenai keislaman proses berkhatan ini. Seterusnya, kesan kepada wanita berkhatan. Dalam bab ini membincangkan kesan baik dan kesan buruk kepada wanita itu.*

### **PENGENALAN**

Berkhatan adalah tuntutan agama atau sisihan budaya? Berkhatan adalah perkara yang sangat penting kerana ia adalah salah satu daripada faktor kebersihan yang patut dijaga. Perkara yang kerap kita dengar ialah lelaki yang beragama Islam wajib berkhatan. Bagi wanita pula ia mungkin perkara yang jarang kita dengar. Dalam bahasa lain yang digunakan oleh masyarakat kita ialah ‘bersunat’. Namun begitu ia adalah perkara yang sama. Masyarakat kita menganggap perkara ini adalah perkara biasa dan semua yang beragama Islam wajib melaluinya

tidak kira samada lelaki mahupun perempuan. Tujuan utama berkhatan ialah kebersihan. Perkara ini perlu dititkberatkan kerana kebersihan ialah punca utama pelbagai penyakit. Menurut buku Jawad H. A., (1998): *In a recent survey which was conducted in North Sudan, it was found that 99 per cent of Sudanese women underwent one form or another of circumcision and that only 1 per cent had managed to escape the mutilation.* Definisi ini memberi maksud bahawa kajian selidik ini membuktikan bahawa hampir semua kaum wanita berkhatan.

Dalam kalangan muslim berkhatan dianggap perkara sunnah. Semua orang yang beragama Islam wajib berkhatan dan ia menjadi tradisi. Umur yang sesuai untuk berkhatan ialah sebelum akil baligh. Dalam masyarakat kita bagi sesiapa yang tidak berkhatan ia dianggap seperti perkara yang sangat pelik dan janggal. Dalam pada itu dalam buku rujukan jelas menceritakan dengan lebih terperinci tentang jenis-jenis berkhatan menurut buku Jawad H. A (1998: 54). :

*Circumcision. It is the mildest type of genital mutilation, 16 which involves cutting the prepuce or the hood of the clitoris. It is known in some Muslim countries as Sunnah, and it is the only form of mutilation which can accurately be described as circumcision; whereas there has been a tendency to refer to all forms of mutilation as circumcision.*

*Excision. This is the removal of the clitoris and either the entire labia minora, or a part of it. Infibulation. This is the most severe form of mutilation. It consists of removing the whole of the clitoris, the labia minora and parts of the labia majora. The two sides of the vulva are then stitched together leaving a small hole for the discharge of menstrual blood and urine.*

Melalui rujukan ini jelas menunjukkan jenis berkhatan yang ada. Antaranya ialah *Circumcision*, *Excision* dan *Infibulation*. Ketiga-tiga jenis berkhatan ini mempunyai maksud yang tersendiri dan cara yang berbeza.

## ASAL AMALAN BERKHATAN

Terdapat beberapa usul-usul yang dicadangkan, antaranya amalan ini dilakukan secara meluas oleh orang kuno Mesir. Seterusnya bagaimana

perkembangan amalan ini sehingga masa kini. Asal amalan ini dan perkembangannya menurut Jawad H. A. (1998: 55):

*It has been suggested that female circumcision was widely practised in ancient Egypt; hence, it is thought that it was here that it first took place. However, it has also been suggested that the practice may be an old African puberty rite that was passed on to Egypt by diffusion. However, with the passage of time the practice survived in some areas and disappeared in others. Female genital mutilations are practised by Muslims, Catholics, Protestants, copts, animists, and non-believers in all countries concerned. Muslim people in some countries continue to believe mistakenly that non-circumcised women are unclean from a religious viewpoint, and that it is more hygienic and purer to have them circumcised. In Asia, the practice is familiar among Muslims in the Philippines, Malaysia, Pakistan and Indonesia.*

Asal amalan ini bermula daripada orang kuno Mesir. Seterusnya amalan ini dicadangkan berkembang dan diamalkan oleh orang kuno Afrika dan diturunkan kepada Mesir melalui resapan. Dalam pada itu, amalan ini diperaktikan secara meluas oleh orang muslim terutamanya. Amalan berkhatan ini juga diamalkan oleh orang yang bukan muslim seperti katolik, protestan, kopts, animis dan orang yang tidak beragama. Pada pendapat saya, amalan ini menjadi tradisi sejak dahulu kala lagi. Mungkin mereka menganggap amalan berkhatan ini mempunyai banyak faedahnya. Contoh yang paling mudah ialah kebersihan. Semua agama di muka bumi ini amat menitikberatkan tentang perkara kebersihan. Hanya orang yang tidak bertamadun sahaja tidak tahu menjaga kebersihan. Amalan berkhatan juga merupakan salah satu daripada cara untuk menjaga kebersihan diri. Hal ini jelas terbukti bahawa orang zaman dahulu juga amat mementingkan hal kebersihan. Oleh itu mereka juga melakukan amalan berkhatan ini juga tidak mengira agama bangsa dan budaya. Seterusnya amalan berkhatan ini terus menular ke asia melalui rujukan ini, termasuk negara kita sendiri, iaitu Malaysia. Filipina Pakistan dan Indonesia juga turut mengamalkan amalan ini. Pada pendapat saya juga amalan berkhatan ini tersebar luas di negara

kita, iaitu Malaysia kerana dengan adanya ajaran agama Islam. Ajaran agama Islam tersebar luas di negara kita yang nama dahulunya Tanah Melayu. Ia bermula sejak penyebaran agama Islam di Melaka dulu.

Dalam buku ini saya menggarapkan tentang wanita perlu berkhatan. Dengan bukti amalan berkhatan ini diamalkan sejak dahulu lagi. Wanita menjalani proses berkhatan dengan sebab-sebab tertentu. Wanita yang berkhatan tidak semua beragama Islam. Mereka yang menjalankan amalan ini termasuk orang kristian dan penganut-penganut agama lain. Mereka menjalankan amalan berkhatan ini bukan sahaja untuk kebersihan tetapi dengan banyak alasan lain, seperti masalah kelamin.

## **SEBAB PERLUNYA WANITA BERKHATAN**

Setelah diketahui mengenai asal-asal berlakunya proses berkhatan bagi kaum wanita, terdapat pelbagai sebab yang boleh menunjukkan mengapa wanita perlu melalui proses berkhatan. Salah al-Sawy (2002) dalam bukunya yang bertajuk Americans' Question About Islam menjelaskan bahawa berkhatan merupakan suatu perkara yang mulia jika dilakukan untuk kaum wanita. Beliau juga menceritakan bahawa Nabi Muhammad s.a.w. bersabda, "*Circumcision is a sunnah (Prophetic Tradition) for men and a noble deed for women.*" Antara sebab perlunya wanita untuk berkhatan adalah seperti berikut.

### **Faktor Kebersihan**

Seperti yang kita ketahui atau yang kita pelajari mengenai tubuh badan wanita, kemaluan bahagian luaran wanita adalah kotor. Malahan bahagian tersebut boleh dikatakan agak buruk. Justeru itu, bahagian kemaluan luaran wanita ini harus dibuang atau dipotong untuk mengekalkan kebersihan supaya bahagian tersebut sentiasa lembut dan suci. Selain itu, jika proses berkhatan ini dilakukan, ia juga boleh membuat bahagian kemaluan wanita cantik. Jika proses ini tidak dilakukan, kemungkinan mereka akan mengalami penyakit-penyakit seperti kanser.

### Faktor Seksual

Selain menjadikan bahagian luar kemaluan wanita bersih dan lembut, proses berkhatan juga dikaitkan dengan faktor seksual yang mana dapat mengawal kemahuan nafsu wanita. Seperti yang kita ketahui, kaum wanita mempunyai sifat nafsu yang lebih tinggi daripada kaum lelaki. Lantaran kaum hawa harus melalui proses berkhatan supaya dapat mengurangkan kemahuan seksual di samping mengawal nafsu mereka. Berkhatan juga merupakan salah satu pra-syarat untuk menjalani perkahwinan. Selain itu, kaum wanita juga dapat melindungi kedaraan mereka sehingga mereka berkahwin dengan cara berkhatan.

Menurut sumber daripada buku Jawad H. A., (1998): seorang doctor yang berbangsa Mesir berkata, “*If I have a daughter I will definitely circumcise her-it is crucial that we attenuate our daughters' sexual desires and protect their chastity*”. Hal ini jelas menunjukkan proses berkhatan dapat mengawal daripada kemahuan seksual yang melampau. Semasa proses berkhatan berlaku, bahagian kemaluan wanita yang dipanggil ‘clitoris’ dibuang sedikit kerana ia dapat mengurang kadar orgasm pada wanita. Justeru itu, kita dapat lihat bahawa kesucian dan kedaraan sangat berkait rapat dengan proses berkhatan di samping mengawal nafsu wanita yang dikatakan lebih banyak daripada nafsu lelaki.

Selain daripada mengekalkan kesucian seseorang wanita di samping mengawal kemahuan seksual, proses ini juga memberi kelebihan kepada wanita, yang mana ia dapat memberi keselesaan juga dapat memuaskan pihak suami. Hal ini demikian kerana proses berkhatan dapat mengecilkan lubang kemaluan wanita yang mana dapat memberikan kepuasan maksima terhadap lelaki yang bernama suami. Justeru itu, proses tersebut dapat memenangi hati suami ketika berjimak. Oleh sebab demikian Nabi Muhammad s.a.w. pernah bersabda bahawa proses berkhatan bagi wanita dapat memuaskan suami juga menjadikan muka wanita tersebut lebih cantik (Salah al-Sawy, 2002: 202).

### Faktor Sosial

Faktor ini merupakan salah satu sebab mengapa wanita perlu berkhatan. Hal ini demikian kerana reputasi dan kelayakan seseorang wanita

dalam perkahwinan bergantung kepada wanita tersebut diterima atau tidak dalam sesebuah komuniti. Hal ini jelas terbukti dengan rujukan daripada Jawad H. A., (1998): *There is a widespread conviction, among the communities concerned, that an uncircumcised girl is bound to be talked about by people; her attitude would become corrupt, so it is argued, and she would start chasing men.* Melalui sumber ini jelas terbukti bahawa walaupun wanita tersebut tidak melalui proses berkhatan, wanita tersebut tidak berpeluang untuk memberi zuriat kerana peluangnya untuk berkahwin berkurang. Faktor ini sangat kukuh untuk dipersoalkan sehingga ibu yang terdidik menyuruh anak perempuannya untuk berkhatan supaya anaknya mempunyai masa yang cerah dalam perkahwinan.

Kaum ibu yang mempunyai anak perempuan yang berkhatan percaya bahawa mereka melakukan perkara yang betul terhadap anak perempuannya. Hal ini demikian kerana anak-anak tersebut akan menjadi seorang yang lebih liar atau terlampau bersosial jika tidak melalui proses berkhatan. Seorang wanita yang tidak berkhatan dipandang serong sehingga dilabelkan tidak suci, kotor di samping tidak sesuai untuk dikahwinkan. Tidak kira berapa umur sekalipun, wanita yang tidak berkhatan dilarang sama sekali untuk bersuara dalam sesebuah komuniti. Sumber daripada Jawad H. A., (1998): menjelaskan:

*When I was in Yemen, a Sudanese doctor informed me that an educated Jordanian mother (a pharmacist) came one day to her private practice asking for her daughter to be circumcised. The mother explained that her daughter's bad behaviour would jeopardise her chance of marriage.*

(Jawad H. A., 1998: 56)

Melalui sumber ini, jelaslah bahawa amalan berkhatan adalah amalan yang mulia. Penerangan ini membuktikan bahawa proses berkhatan adalah sesuatu yang sangat penting bagi kaum wanita.

### Faktor Agama

Walaupun proses berkhatan bagi kaum wanita diamalkan oleh pelbagai agama, agama Islam mempunyai peratus kadar wanita berkhatan yang tinggi. Apa yang saya ingin tegaskan ialah berkaitan Islam juga wanita

berkhatan. Hampir semua umat Islam mempercayai bahawa proses berkhatan merupakan tuntutan agama. Walaupun begitu, al-Quran tidak pula mencatatkan mengenai perempuan berkhatan, cuma Salah al-Sawy (2002) menulis bahawa Nabi Muhammad s.a.w. bersabda, “*Circumcision is a sunnah (Prophetic Tradition ) for men and a noble deed for women.*”

Dalam membincangkan mengenai proses berkhatan dalam kalangan wanita daripada golongan Islam, Jawad H. A., (1998): menjelaskan: “*In countries such as Somalia, Egypt and Sudan, the practice is encouraged, perpetrated and even legalised (in the case of the sunnah circumcision in Sudan) as a required Islamic principle.*” Hal ini jelas terbukti bahawa proses berkhatan untuk kaum wanita amak digalakkan di negara-negara berkenaan. Antara Negara yang terlibat dalam rujukan ini ialah Somalia, Mesir dan Sudan.

## **SEJAUH MANA ISLAM MENGANJURKAN KHATAN KEPADA WANITA**

KeIslam dalam proses berkhatan wanita ialah sebuah perbincangan yang memerlukan maklumat-maklumat yang terperinci dalam mengenal pasti isu berkaitan lumrah undang-undang Islam juga dari segi perubatan mengenai proses berkhatan wanita. Jika latar belakang mengenai proses berkhatan melalui Islam difahami, para pembaca juga akan memahami kedudukan Islam dalam proses berkhatan.

Untuk menjawab persoalan sejauh mana keIslam dalam proses berkhatan wanita, kita harus melihatnya dari segi al-Quran juga Hadis. Proses berkhatan bagi wanita langsung tidak diceritakan dalam al-Quran. Hal ini jelas menunjukkan tiada tuntutan daripada Allah S.W.T. dalam menjalankan proses wanita berkhatan. Walaupun begitu, terdapat beberapa hadis yang berkaitan proses berkhatan wanita. Hal ini dapat dilihat melalui rujukan Jawad H. A., (1998):

*The most often mentioned Hadis is the one in which the prophet, having seen Umm Atiyah-the circumciser, instructed her to ‘cut slightly and do not overdo it because it is more pleasant for the woman*

*and better for the husband. ; ‘circumcision is a Sunnah for men and Makrumah (an honourable deed) for women’; speaking to the Ansari women, the Prophet advised ‘cut slightly without exaggeration because it is more pleasant for you husbands’*

(Jawad H. A., 1998: 70)

Menurut rujukan daripada Jawad H. A., 1998 jelas menyatakan kata-kata baginda. Baginda memberi maksud bahawa wanita yang berkhatan melakukan sesuatu perkara yang sangat mulia dalam kata lain, iaitu makrumah. Selain itu, tiada yang lebih baik melainkan sifat makrumah tersebut.

Jika kita lihat secara terperinci terhadap hadis-hadis ini, ia mempunyai berlainan versi sehingga dianggap - secara umumnya-sebagai hadis yang lemah. Jawad H. A., (1998): juga menulis dalam bukunya; “*They are neither clear nor authentic*”, said Mahmud Shaltut, former sheikh of al-Azhar in Cairo (The Rights of Women in Islam). Justeru itu, kita boleh katakan bahawa proses berkhatan bagi wanita tidak ditemui sumbernya dalam al-Quran mahupun Hadis. Hal ini bermaksud amalan ini tidak wujud ddi kebanyakan negara-negara Islam di seluruh dunia. Di samping itu, jika ada sesetengah kaum masih mengamalkan ‘excision’, kemungkinan ia hanyalah adat yang diamalkan sejak dahulu-kala.

Justeru dapat kita lihat bahawa proses berkhatan wanita bukan merupakan suatu tuntutan agama. Agama Islam juga tidak menegaskan amalan berkhatan adalah amalan yang wajib dilaksanakan oleh umat Islam. Tetapi dalam hadis ada menyatakan bahawa amalan berkhatan ini adalah amalan yang sangat mulia dialakukan oleh umat Islam terutamanya kaum wanita. Antara sebab yang boleh dilihat ialah seperti berikut:

- (1) Tiada rujukan secara langsung atau tidak langsung dalam al-Quran yang mengatakan dan menegaskan mengenai wanita berkhatan.
- (2) Berdasarkan hadis-hadis yang tertera ini, hadis-hadis tersebut merupakan sesuatu yang lemah dan tidak boleh dipercayai. Hal ini jelas terbukti bahawa amalan ini tidak mempunyai asas keislaman

tetapi hanya merupakan sesuatu adat yang diassimilasikan ke dalam tradisi agama Islam. Di samping itu, dalam suatu jangka masa yang lama, amalan ini hadir dan diterima sebagai perundangan dalam Islam.

Lantaran ini, sebab ini jelas menunjukkan bahawa Agama Islam tidak menyuruh untuk berkhatan. Dalam pada itu, amalan berkhatan juga bukan untuk menunjukkan keislaman. Amalan berkhatan juga boleh diakatakan amalan yang dilakukan secara adat. Contohnya, berdasarkan masyarakat melayu setiap orang harus menjalani proses berkhatan. Kebiasaananya, masarakat melayu akan membuat majlis kesyukuran bersempena dengan amalan ini.

Dalam membasmi daripada berlakunya penyeksaan berkhatan seperti ‘excision’ dan ‘infibulation’, kita harus menyelesaikan masalah melalui beberapa aspek usaha, iaitu usaha dari segi domestik juga dari segi antarabangsa.

Dari segi domestik, pihak kerajaan sesebuah negara merupakan tunggak utama dalam membasmi penyeksaan amalan ini. Pihak ini seharusnya mengambil inisiatif melalui pendidikan di sekolah mahupun di universiti. Lelaki mahupun perempuan harus sedar dan prihatin terhadap risiko-risiko yang akan terjadi jika meneruskan amalan ‘excision’ dan ‘infibulation’. Kedua, mereka harus tahu bahawa adat-adat dalam Islam tidak mempunyai amalan tersebut di samping amalan tersebut juga bukan tuntutan agama.

Ketua-ketua agama dan ulama-ulama perlu mengambil berat dalam membasmi penyeksaan berkhatan ini. Pada pendapat saya, ketua agama merupakan suatu usaha yang sangat efektif kerana mereka mempunyai pengaruh yang kuat terhadap pemikiran rakyat, terutamanya di kawasan-kawasan pedalaman yang mana amalan ini masih lagi dilakukan di kawasan resebut. Selain itu, ulama-ulama seharusnya perlu menyampaikan fakta mengenai Islam berdasarkan tradisi berkhatan mengenai ‘excision’ dan ‘infibulation’ yang mana amalan ini bukan sebahagian daripada Islam keran agama Islam tidak akan menyuruh umatnya melakukan sesuatu yang tidak berhati perut dan boleh merosakkan tubuh badan.

Sehingga sekarang, secara majoriti, ramai pihak tidak mengambil berat terhadap pembasmian amalan ini dan tidak mahu untuk bekerjasama dalam membasmi amalan ini. Mahupun begitu, ada antara mereka yang sudah memberi kerjasama dalam membetulkan fatwa mengenai agama Islam dan wanita berkhatan. Hal ini dapat dibuktikan melalui Jawad H. A. dalam bukunya, iaitu:

*This became clear when, in april 1995, al-Azhar issued a fatwa expressly allowing the continuation of the custom to take place in Egypt. Immediately afterwards, the Egyptian health minister issued a statement in which he stressed that the practice is deeply rooted in Egyptian culture and that 90 per cent of Egyptian families still practise it.*

(Jawad H. A., 1998: 70)

Oleh sebab itu beliau menghadapi kesukaran dalam membasmi amalan wanita berkhatan, iaitu ‘excision’ dan ‘infibulation’. Selain itu, pihak kerajaan sekali lagi perlu memberi galakan dan sokongan terhadap para ibu dan bapa supaya mereka menyuruh anaknya dikhatakan, lantaran mengeluarkan merkeu daripada tekanan sosial.

Dari segi antarabangsa pula, rakyat yang berminat boleh menghulurkan bantuan terhadap rakyat tempatan dalam sesebuah negara dalam membasmi amalan ini daripada terus berlaku. Walaupun begitu, mereka harus berwaspada dalam menyebarkan fatwa tersebut kepada orang ramai memandangkan fatwa ini merupakan sesuatu perkara yang sensitif. Justeru itu, mereka harus menyampaikannya dengan kesabaran dan keterbukaan pandangan masing-masing.

Bagi warga yang beragama Islam, ‘cliterodectomy’ dan ‘infibulation’ seharusnya dijadikan sesuatu yang haram diamalkan oleh sebab amalan tersebut merupakan suatu kepercayaan karut dan penindasan terhadap kaum wanita. Memandangkan proses berkhatan wanita tidak mempunyai nilai-nilai keagamaan dalam Islam, warga Muslim tidak perlu menjalani amalan-amalan seperti ‘infibulation’ dan ‘cliterodectomy’ yang mana memberi kesakitan dan berpotensi untuk membahayakan diri. Justeru mengelakkan diri daripada mengamalkannya merupakan satu keputusan yang bijak.

## KESAN KEPADA WANITA BERKHATAN

Seperti yang diulaskan amalan berkhatan ini mempunyai sebab-sebab yang tertentu. Bagi setiap perkara yang terjadi di muka bumi ini terdapat sebab dan akibatnya. Dalam subtopik ini saya akan membincangkan tentang kesan amalan berkhatan ini. Terdapat banyak kesan yang akan berlaku jika wanita itu berkhatan dan tidak berkhatan. Seperti yang kita tahu tujuan utama amalan berkhatan ini ialah untuk menjaga kebersihan diri. Bagi sesiapa yang tidak mahu menjalani amalan berkhatan, golongan ini boleh dikatakan golongan yang tidak tahu menjaga kebersihan diri. Hal ini disebabkan amalan berkhatan ini melibatkan bahagian sulit. Bahagian sulit adalah bahagian yang boleh dikatakan agak penting dari segi biologi manusia. Jika tidak menjalani amalan berkhatan ini, ia boleh menyebabkan punca-punca utama penyakit yang boleh datang menyerang.

Proses yang dijalankan apabila menjalani berkhatan merujuk kepada sumber daripada buku Jawad H. A. (1998: 55) :

*The operations themselves are carried out with special knives, with razor blades, or with pieces of glass. After the operation is done (especially with infibulation), the girl's legs are bound for 40 days to allow for healing and the formation of tissue.*

Berikut adalah proses yang dijalankan apabila berkhatan. Jika seseorang wanita itu berkhatan terdapat kesan sampingannya. Iaitu kesan baik dan kurang baik atau memudaratkan seseorang

- (1) Kesan baik jika wanita itu menjalani proses berkhatan ialah wanita akan menjadi wanita yang bersih daripada kekotoran. Hal ini disebabkan oleh proses yang dilakukan apabila menjalani proses berkhatan. Melalui proses ini terdapat beberapa langkah yang dijalankan. Proses yang dijalankan boleh membuatkan alat kelamin wanita itu bersih daripada kekotoran. Melalui proses ini boleh dikatakan ia membuang cebisan yang boleh membuatkan kemudaratkan kepada wanita. Antaranya kuman boleh membiak dan merebak jika dibiarkan tidak berkhatan.

- (2) Selain itu, wanita yang berkhatan juga boleh mengurangkan hawa nafsu mereka. Hal ini terbukti kerana nafsu wanita lebih tinggi daripada lelaki. Kaum wanita mempunyai yang tinggi oleh itu wanita harus menjalani proses berkhatan. Hal ini boleh mengurangkan kejadian gejala sosial yang berlaku di sekeliling kita. Seperti yang kita lihat di halaman-halaman media massa seperti internet dan surat khabar. Terdapat pelbagai berita dan cerita mengenai masalah gejala sosial. Hal ini sedikit sebanyak memberi impak kepada mengapa wanita perlu berkhatan. Pada pendapat saya, perkara berkhatan ini tidaklah memberi impak yang terlalu mendalam kepada masalah gejala sosial ini yang berlaku.

Seterusnya, terdapat kesan yang tidak baik akibat daripada proses berkhatan ini. Ada antaranya serius dan tidak. Antara kesan-kesan yang biasa berlaku kepada wanita yang berkhatan ialah:

- (1) Antara kesan atau impak yang agak serius apabila menjalani proses berkhatan ialah jangkitan kronik. Hal ini jelas terbukti dengan rujukan daripada buku Jawad H. A., (1998): *It is stated by the World Health Organisation (WHO) that female genital mutilation increases greatly the chance of the mother's death in childbirth and the risk of a child being born dead.* Melalui sumber ini jelas terbukti Persatuan Kesihatan Sedunia atau World Health Organisation (WHO) menegaskan bahawa wanita berkhatan boleh membuatkan peningkatan yang tinggi terhadap peluang ibu yang melahirkan anak itu meninggal dunia. Sambungannya peluang terhadap bayi yang dikandung untuk meninggal dunia turut dikatakan tinggi. Pada pendapat saya hal ini terjadi mungkin disebabkan oleh masalah kehilangan darah yang banyak apabila melahirkan anak. Selain itu risiko ibu yang melahirkan anak untuk meninggal dunia juga agak tinggi atas sebab-sebab tertentu.
- (1) Dalam pada itu, terdapat kesan tidak baik yang lain. Antaranya ialah masalah kesakitan apabila menjalani proses berkhatan. Bukti yang menunjukkan perkara ini terdapat dalam buku *The Right*

of Woman in Islam (1998): *The most immediate complications are: pain, because these operations are very often done without the use of anaesthesia.* Dalam rujukan ini jelas menunjukkan kesakitan yang dialami apabila menjalani proses berkhatan. Hal ini disebabkan oleh, apabila proses berkhatan dijalankan kemungkinan tidak menggunakan bius (*anaesthesia*). Pada pendapat saya semua pembedahan yang dijalankan mempunyai risikonya yang tersendiri. Penerangan yang lebih jelas juga terpadat dalam rujukan buku Jawad H. A. (1998: 55):

*Haemorrhaging to parts of the blood vessels such as the dorsal artery of the clitoris; panic and shock due to sudden and unexpected loss of blood urinary retention urinary infection due to the use of unsterilised instruments and the kind of substances applied to the wound; fever, tetanus and blood poisoning due to the unhygienic conditions during the performance of the operations.*

Dalam penerangan ini jelas menunjukkan kesan-kesan yang banyak apabila menjalani proses berkhatan ini. Antara kesan yang sering dialami ialah alat yang digunakan untuk proses berkhatan mempunyai kuman atau bakteria. Seterusnya darah beracun juga boleh dialami apabila menjalani proses berkhatan yang disebabkan oleh keadaan yang tidak bersih.

- (1) Selain itu, terdapat kesan serius yang lain. Kesan ini boleh membuatkan seseorang itu kehilangan nyawa. Hal ini jelas terbukti merujuk kepada buku Jawad H. A., (1998): *Also, there is a growing body of evidence that circumcision increases the chance of infection with human immunodeficiency virus (HIV).* Merujuk kepada bukti ini penyakit yang sering kita dengar, iaitu *human immunodeficiency virus (HIV)* boleh berjangkit dan merebak apabila menjalani proses berkhatan ini.
- (4) Seterusnya kesan serius yang akan terjadi apabila menjalani proses berkhatan ini ialah penyakit AIDS boleh menyerang. Penyakit

ini boleh menyerang dengan rujukan daripada buku Jawad H. A., (1998): *Female circumcision, among other factors, allows sperm cells to be absorbed into the body and hence produce AIDS.* Melalui sumber ini jelas terbukti bahawa ia membuatkan sel-sel sperma itu menyerap ke dalam badan dan menghasilkan penyakit AIDS. Pada pendapat saya perkara ini mungkin jarang berlaku dan hanya berlaku pada masa-masa tertentu sahaja atas alasan yang lebih munasabah.

- (1) Selain itu, proses berkhatan juga boleh menjadikan bahagian luar kemaluan wanita bersih dan suci, proses berkhatan juga boleh dapat mengawal kemahuan nafsu wanita. Sudah menjadi lumrah alam, kaum wanita mempunyai sifat nafsu yang lebih tinggi daripada kaum lelaki. Lantaran kaum wanita yang melalui proses berkhatan dapat mengurangkan kemahuan seksual di samping mengawal nafsu mereka. Berkhatan juga merupakan salah satu prasyarat untuk menjalani perkahwinan. Seterusnya, kaum wanita juga dapat melindungi kedaraan mereka sehingga mereka berkahwin dengan cara berkhatan.

Perbincangan ini sudah cukup menggambarkan kebaikan dan keburukan berkhatan dalam kalangan wanita.

## RUMUSAN

Kesimpulan yang boleh kita simpulkan mengenai tajuk utama, iaitu ‘wanita berkhatan: tuntutan agama atau sisihan budaya?’ adalah berdasarkan pendapat saya, proses wanita berkhatan bukan merupakan tuntuan agama. Hal ini demikian kerana al-Quran sendiri yang tidak menceritakan mengenai wanita berkhatan. Walaupun terdapat beberapa hadis yang dikaitkan dengan wanita berkhatan, hadis tersebut merupakan hadis yang lemah atau ‘*inauthentic*’. Justeru itu saya merasakan wanita berkhatan adalah kerana sisihan budaya kerana dengan berkhatan, kaum wanita akan mendapat pelbagai faedah; sama ada terhadap diri sendiri dan juga terhadap masyarakat sekeliling di samping suami.

Walaupun begitu, proses berkhatan yang lain seperti ‘*cliterodectomy*’ dan ‘*infibulation*’ seharusnya dihentikan amalannya. Hal ini demikian keran amalan tersebut boleh membahayakan nyawa kaum wanita sehingga menyebabkan wujudnya penyakit-penyakit kronik seperti kanser. Sehubungan dengan itu, semua orang hendaklah bersama-sama menyebarkan fatwa bahawa proses berkhatan seperti infibulasi bukan berkait rapat dengan agama Islam. Selain itu, agama Islam sendiri tidak menyuruh umatnya melakukan perkara yang boleh memudaratkan diri sendiri.

Dengan beberapa sebab-sebab yang dijelaskan oleh buku ini, jelaslah amalan berkhatan mempunyai banyak faedahnya. Terutamanya bagi wanita. Faktor utama yang ditegaskan dalam buku ini ialah mengenai kebersihan yang harus dijaga oleh semua orang. Tidak mengira agama, bangsa dan budaya. Hal ini kerana semua agama di muka bumi ini amat mementingkan hal kebersihan kerana ia adalah asas kepada manusia.

## RUJUKAN

- Jawad H. A. 1998. *The Rights of Women in Islam*. New York: St. Martin Press. Inc.
- Salah al-Sawy, Maryland. 2002. *Americans' Questions About Islam*. al-Mansura, Egypt: Umm al-Qura.
- Tanpa Pengarang. 2006. *Britannica Encyclopedia of World Religion*. Chicago: Encyclopedia Britannica, Inc.
- Qrunbum Alin. 1991. *Journal for Sudanese Studies*. Sudan: Khartoum University Press.
- Sami Aldeeb Abu-Sahlieh. 1994. *To Mutilate in the Name of Jehovah or Allah, Legitimisation of Male and Female Circumcision*. France: Unpublished Research.
- Sabiq al-Sayyid. 1992. *Fiqh al-Sunnah*. Beirut: Dar al- Fikr.
- Alwan Abdullah. 1983. *The Education of Children in Islam*. Cairo: Assalam Press.
- E. K. Hicks. 1993. *Infibulation: Female Mutilation in Islamic North Eastern Africa*. New Brunswick, New Jersey: Transaction Publishers.